

IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : LOKAL



PEGAWAI dan pasukan perubatan Jabatan Bedah Saraf HSNZ yang melakukan pembedahan tumor otak dalam keadaan pesakit sedar pada Khamis lalu.

Oleh Baharom Bakar
am@hmetro.com.my

Kuala Terengganu

Jabatan Bedah Saraf Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini mencipta sejarah apabila melakukan pembedahan tumor otak dalam keadaan pesakit sedar pada Khamis lalu.

Pengarah Jabatan Kesihatan Terengganu Datuk Dr Kasemani Embong berkata, pesakit berusia 33 tahun itu dimasukkan ke wad selepas mengalami sawan fokal, kelemahan otot muka dan gangguan pertuturan.

Katanya, hasil imbasan had maksimum residu (MRI) ke atas pesakit mendapati ada tumor pada lobus frontal kiri yang terletak berhampiran kawasan kritikal mengawal pertuturan.

"Bagi mengelakkan risiko kecacatan neurologi, pendekatan kraniotomi sedar dipilih agar pemantauan pertuturan dan fungsi motor dapat dilakukan secara langsung sepanjang pembedahan dilakukan," katanya melalui satu kenyataan dimuatnaik melalui laman sosial Facebook (FB) Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT).

Difahamkan, pegawai dan pasukan perubatan Jabatan Bedah Saraf mengambil masa kira-kira satu

JABATAN BEDAH SARAF HSNZ CIPTA SEJARAH

Bedah otak ketika sedar



PESAKIT menunjukkan isyarat bagus ketika menjalani pembedahan otak di HSNZ.

jam setengah untuk melakukan pembedahan dalam keadaan pesakit sedar itu.

Mengulas lanjut, Dr Kasemani berkata, sesi persediaan dan latihan pra operasi dilakukan bersama pesakit sebelum pembedahan dilakukan.

Katanya, pesakit diberi bius setempat dan ubat penenang sebelum dibawa ke fasa sedar untuk penilaian fungsi neurologi oleh pasukan neurologi dan psikiatri sepanjang pembedahan dilakukan.

"Proses pembedahan termasuk mengeluarkan tumor berjaya dikeluarkan pakar bedah saraf dengan menggunakan mikroskop dan teknologi pembedahan berpanduan imej (IGS). Prosedur berjalan lancar tanpa komplikasi dan pesakit dibenarkan pulang pada Sabtu, dua hari selepas menjalani pembedahan," katanya.

Dr Kasemani berkata, pesakit berada dalam keadaan bebas sawan dan tidak mengalami sebarang defisit neurologi.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 14
RUANGAN : NASIONAL

Bedah otak dalam keadaan sedar

HSNZ catat sejarah dalam perubatan

Oleh NORHASPIDA YATIM
KUALA TERENGGANU

Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) mencatat sejarah tersendiri apabila berjaya melaksanakan pembedahan kraniotomi dalam keadaan sedar (*awake craniotomy*) buat kali pertama pada 29 Jun lalu.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr Kasemani Embong berkata, prosedur pembedahan berprofil tinggi memabitkan seorang pesakit wanita berusia 33 tahun yang mengalami sawan fokal, kelemahan otot muka serta gangguan pertuturan.

"Imbasan pengimejan resonans magnet (MRI) mendapati ketumbuhan (tumor) di lobus frontal kiri otak pesakit,

berhampiran kawasan kritikal yang mengawal pertuturan.

"Bagi mengelakkan risiko kecacatan neurologi, pendekatan pembedahan dalam keadaan sedar dipilih supaya pemantauan pertuturan dan fungsi motor dapat dilakukan secara langsung sepanjang prosedur," katanya dalam satu kenyataan di sini pada Rabu.

Menurutnya, pembedahan tersebut berjaya dilaksanakan hasil kerjasama pelbagai jabatan termasuk Jabatan Bedah Saraf, Anestesiologi, Neurologi, Psikiatri dan Radiologi selain sokongan teknikal serta kepakaran dari Hospital Sungai Buloh, Selangor.

Dr Kasemani berkata, sesi persediaan rapi dan latihan praoperasi turut diadakan bersama pesakit bagi memastikan prosedur berjalan lancar tanpa tekanan emosi atau gangguan komunikasi semasa pembedahan.

"Pesakit diberi bius setempat dan ubat penenang sebelum dibawa ke fasa sedar untuk



Pasukan pakar bedah tempatan berjaya menjalankan pembedahan tumor otak secara sedar terhadap pesakit wanita berusia 33 tahun di HSNZ pada 29 Jun.

membolehkan pasukan neurologi dan psikiatri menilai fungsi pertuturan serta pergerakan secara langsung.

"Ketumbuhan kemudiannya dikeluarkan dengan teliti oleh pakar bedah saraf menggunakan mikroskop dan teknologi pembedahan berpanduan imej IGS," katanya.

Beliau berkata, prosedur itu

berlangsung tanpa sebarang komplikasi dan pesakit dibenarkan pulang dua hari kemudian dalam keadaan stabil, bebas sawan serta tanpa sebarang defisit neurologi.

"Kejayaan ini merupakan pencapaian penting dalam bidang neurosurgery di HSNZ dan Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu (JKNT) selain

membuktikan keupayaan tenaga pakar tempatan mengendalikan pembedahan otak kompleks secara profesional dan selamat," katanya.

Dalam pada itu, Dr Kasemani turut merakamkan penghargaan terhadap semua pasukan terlibat atas komitmen, kepakaran dan semangat kerja berpasukan tinggi.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NATION

ASSETS CAN BE SOLD

HOSPITAL RISKS SEIZURE

Court issued writ in May after it failed to settle RM8.32m for medical negligence

DAWN CHAN AND AMALIA AZMI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

A PRIVATE hospital in the Klang Valley faces seizure after failing to settle RM8.32 million for medical negligence.

It is learnt a writ of seizure and sale dated May 26 was issued by the Kuala Lumpur High Court after the hospital failed to pay the claimant the court-ordered sum with interest after first losing the case in 2020.

The suit was filed by the family of a newborn baby, which claimed that their child suffered from spastic quadriplegic cerebral palsy due to medical negligence.

According to the court judgments sighted by the *New Straits Times*, the High Court had on Sept 10, 2020 found the hospital liable for the baby's condition, a decision that was upheld by the Court of Appeal and Federal Court.

In their suit, the family alleged their child, a girl, was born prematurely at 26 weeks on Feb 26,

2003, as a result of negligent obstetric services at the hospital.

She had and continues to suffer from permanent mental and physical disabilities, forcing her to be fully dependent on others for daily activities.

The family had filed the suit on March 21, 2018, against the hospital and two doctors and won. They were awarded RM8.12 million in damages.

On Feb 4, 2022, the Court of Appeal upheld the High Court decision but allowed the two doctors' appeal.

The court also reduced the damages to RM6.03 million.

The hospital went on to fight the case at the Federal Court but the appeal was dismissed on Feb 24, 2023.

The court documents stated that the hospital had not made full payment of the sum, which at the conclusion of the Federal Court hearing, had accumulated to RM7.52 million, including interest.

However, the hospital has since failed to fully comply and settle the damages awarded to the girl.

According to the May 26 writ of seizure, the hospital's assets can be sold to settle the sum owed.

Checks by the NST showed the hospital was operating as usual, with patients registering and visitors entering and exiting the premises.

The NST is withholding the name of the hospital pending a response from it.

AKHBAR : THESUN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NATIONAL

Delay in nationwide ban on vape slammed

➤ State govts need to take decisive action as increasing use of e-cigarettes destroying future of youths: CAP

■ BY T.C. KHOR
newsdesk@thesundaily.com

GEORGE TOWN: The Consumers Association of Penang (CAP) has renewed its call for an immediate nationwide ban on the sale and use of vape and e-cigarettes, as the issue is already "out of control".

CAP said some state governments are still in talks with industry players and these engagements delay action, jeopardise public health and could have devastating consequences for Malaysian youths.

"How long will it take to consider banning vape? States that have not yet issued a ban for these products must be responsible if there are death cases, or pay for treatment due to vape use," CAP senior education officer and anti-smoking activist N.V. Subbarow said in a statement.

He described as alarming Perak's decision to consider consultations with vape industry stakeholders before deciding on a ban.

On June 4, the Perak government said it would meet electronic cigarette or vape industry players before making any decision on the proposed ban on the sale of such products in the state.


However on June 22, Perak announced it would target a vape sales ban in October, pending final approval by the State Executive Council.

Subsequently on July 5, Perak Health and Human Resources Committee chairman A. Sivanesan made a U-turn on the matter and confirmed that the state would consult e-cigarette and vape industry players before deciding on a ban.

A comprehensive study, led by state health director Dr Feisul Idzwan Mustapha is expected to be concluded by next month.

"If there are 50 workers, that's 50 families at stake," Sivanesan was quoted by Bernama as saying, while highlighting the need to consider economic and employment impact.

Subbarow said he did not understand why a few state governments were still discussing



Subbarow said increasing use of vape among teenagers is a national crisis and warned that many are unknowingly being introduced to drug-laced vape liquids. — **AMIRUL SYAFIQ/THESUN**

the ban on vape and e-cigarettes with vape industry representatives.

"It doesn't make any sense. It's a waste of time and playing with the lives of children."

Subbarow said increasing use of vape among teenagers, including young girls, is a national crisis and warned that many are unknowingly being introduced to drug-laced vape liquids.

"Vape and e-cigarettes are destroying the future of the young generation. It has been proven.

"The trend has evolved from fruit-flavoured nicotine liquids to dangerous concoctions laced with stimulants or even narcotics, marketed under names such as 'zombie' or 'magic mushroom' flavours.

"This is a new culture throughout the world. More vape liquids now contain dangerous drugs.

"These products should be banned to prevent more people from becoming addicted to these synthetic drugs.

"These drug-laced vape flavours are turning many young Malaysians into new drug addicts," he said.

The association also pointed to recent figures from the Health Ministry showing a sharp rise in adolescent vaping, from 211,084 in 2017 to 301,109 in 2022, involving those aged 13 to 15.

"If the ministry or state governments

continue giving unreasonable reasons and delay action to ban vape and e-cigarettes, the number of students and individuals addicted to nicotine-laced vape drug liquid will triple by 2030," he said.

"Each of the state governments knew this, but they are pretending not to know anything. There is no need for new committees or studies on the issue, as the statistics are there.

"The state governments must take decisive action," Subbarow said.

CAP praised the Sultan of Pahang Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah, who recently voiced full support for a total ban on vaping in Malaysia.

His Majesty described vaping as a threat to public health and called for stricter enforcement to address both nicotine and drug addiction among youths.

"Vaping should be banned completely. We must not be lenient, it will only cause further harm to our people," His Majesty was quoted as saying.

He also pointed out that there is no point in having various laws and harsh punishments for drug offences if enforcement remains weak, allowing drugs to be easily obtained in the country.

CAP said it would be writing official letters to all state rulers, urging them to instruct their respective governments to impose an immediate ban on vape and e-cigarettes.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 20
RUANGAN : GAYA

Oleh **INTAN SUHANA CHE OMAR**
intan.suhana@mediamula.com.my

DALAM beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat peningkatan ketara dalam jumlah wanita muda yang didiagnosis kanser serviks.

Jika dahulu kanser ini lebih kerap berlaku dalam kalangan wanita berusia antara akhir 30-an hingga 60-an, kini doktor mendapati pesakit semula 35 tahun juga terlibat.

Perkembangan ini menimbulkan kebimbangan dalam kalangan pakar kesihatan kerana menunjukkan perubahan dalam pola penyakit yang dulunya lebih sinonim dengan usia yang lebih lanjut.

Punca utama kanser serviks adalah jangkitan virus Human Papillomavirus atau HPV, khususnya jenis 16 dan 18, yang dikenali sebagai strain berisiko tinggi.

Virus ini tersebar melalui hubungan seksual dan boleh kekal dalam tubuh individu selama bertahun-tahun sebelum menunjukkan sebarang simptom.

Selain daripada jangkitan HPV, beberapa faktor lain turut menyumbang kepada risiko kanser serviks, termasuk amalan merokok, faktor genetik, gaya hidup tidak sihat, tekanan berlebihan dan amalan seksual yang tidak selamat.

Lebih membimbangkan, ramai wanita tidak menyedari mereka sedang mengalami simptom awal kanser serviks.

Ini kerana tanda-tanda awal sering kali dianggap biasa atau tidak berkaitan dengan penyakit serius.

Pakar Onkologi Klinikal OncoCare Cancer Centre Malaysia, Dr. Nur Adila Mokhtar berkata, salah satu simptom yang paling kerap berlaku tetapi sering disalah anggap ialah pendarahan luar biasa.

Ini termasuk pendarahan selepas melakukan hubungan intim, pendarahan di antara kitaran haid atau haid yang lebih panjang dan lebih banyak daripada kebiasaan.

Ramai wanita menganggap keadaan ini sebagai gangguan hormon semata-mata dan tidak merujuk kepada pakar untuk pemeriksaan lanjut.

"Selain itu, rasa sakit di bahagian pinggul atau pelvis turut menjadi antara gejala awal yang mudah diabaikan.

"Sesetengah wanita mungkin juga mengalami kencing yang kerap atau rasa sakit semasa membuang air kecil, yang sering kali disalah anggap sebagai jangkitan saluran kencing biasa," katanya.

Keputihan yang luar biasa daripada segi warna,



NUR ADILA MOKHTAR

bau atau kuantiti juga boleh menjadi petanda awal kepada masalah yang lebih serius, namun kebanyakan wanita menganggapnya sebagai perkara normal yang tidak memerlukan rawatan.

STIGMA LAMBATKAN RAWATAN

Stigma sosial berkaitan penyakit yang melibatkan organ reproduktif wanita menjadi penghalang utama ramai pesakit lewat mendapatkan rawatan.

Ramai wanita berasa malu atau segan untuk berjumpa doktor apabila mengalami simptom berkaitan seksualitas.

Tambahan pula, kurang kesedaran mengenai tanda-tanda awal kanser serviks serta akses yang terhad kepada maklumat kesihatan menyebabkan ramai yang tidak menyedari risiko sebenar yang dihadapi.

"Jadi, ini menyebabkan mereka lambat mendapatkan rawatan dan bantuan. Jika kanser dikesan daripada peringkat awal, peluang untuk kembali sembuh adalah sekitar 80 hingga 90 peratus.

"Pengesanan awal memainkan peranan penting meningkatkan peluang untuk pulih sepenuhnya daripada kanser serviks," katanya.

Oleh itu, vaksinasi HPV merupakan langkah pencegahan yang sangat berkesan. Di beberapa negara, kadar kanser serviks telah menurun dengan ketara selepas pelaksanaan program vaksinasi yang meluas dalam kalangan remaja perempuan.

Di Malaysia, walaupun vaksin ini telah mula diberikan di sekolah-sekolah, kesedaran mengenainya masih belum menyeluruh. Ramai wanita muda tidak tahu vaksin boleh didapati di hospital swasta, malah turut ditawarkan melalui program kesihatan kerajaan.

Vaksin HPV biasanya diberikan dalam tiga dos bagi tempoh enam bulan dan terbukti berkesan mencegah jangkitan yang boleh membawa kepada kanser.

Di samping itu, pemeriksaan

Kerap kencing salah satu gejala awal kanser serviks



UJIAN pap smear dan ujian HPV DNA mampu mengesan sebarang gejala awal kanser serviks. - GAMBAR HIASAN

saringan seperti ujian Pap smear dan ujian HPV DNA sangat digalakkan untuk wanita yang telah memulakan aktiviti seksual, bagi mengesan sebarang perubahan awal pada sel-sel serviks.

Dengan kemajuan teknologi rawatan, peluang untuk sembuh daripada kanser serviks kini jauh lebih tinggi berbanding dahulu, terutamanya jika penyakit ini dikesan pada peringkat awal.

"Rawatan seperti kemoterapi, radioterapi yang lebih tepat serta penggunaan ubat-ubatan baharu seperti imunoterapi dan terapi

sasaran, membolehkan pesakit menjalani rawatan yang lebih berkesan dengan kesan sampingan yang lebih minimum.

"Bagi kanser yang masih berada dalam peringkat satu hingga tiga, peluang untuk sembuh adalah sangat tinggi, manakala bagi peringkat empat, fokus rawatan lebih kepada mengawal penyakit dan memperbaiki kualiti hidup," katanya.

KAITAN GAYA HIDUP

Selain daripada pengesanan awal dan vaksinasi, gaya hidup harian turut memainkan

peranan penting dalam pencegahan kanser serviks.

Wanita perlu sedar pilihan dalam kehidupan seharian, termasuk pemakanan, senaman, amalan seksual dan pengurusan tekanan, semuanya berkait rapat dengan risiko penyakit ini.

Salah satu langkah paling asas tetapi sangat berkesan ialah berhenti merokok.

Kajian menunjukkan wanita yang merokok mempunyai risiko yang jauh lebih tinggi untuk mendapat kanser serviks berbanding yang tidak merokok.

Ini kerana bahan kimia dalam rokok boleh melemahkan sistem imun dan menyebabkan perubahan sel pada serviks, sekaligus meningkatkan risiko jangkitan HPV berkembang menjadi kanser.

Pemakanan yang sihat juga tidak boleh dipandang ringan.

Walaupun tiada makanan khusus yang secara langsung menyebabkan atau mencegah kanser serviks, pengambilan diet yang seimbang dan kaya dengan nutrien mampu membantu tubuh melawan jangkitan serta menjaga kesihatan sel-sel dalam badan.

Makanan yang kaya dengan antioksidan seperti buah-buahan, sayur-sayuran hijau, tomato, brokoli dan makanan

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 21

RUANGAN : GAYA



“Pengesanan awal memainkan peranan penting dalam meningkatkan peluang untuk pulih sepenuhnya daripada kanser serviks.”

tinggi vitamin C dan E boleh membantu menguatkan sistem imun.

Begitu juga dengan makanan yang mengandungi folat dan beta-karotena yang terbukti dapat menyokong kesihatan sel reproduktif wanita.

Di samping itu, mengawal berat badan dan mengekalkan indeks jisim tubuh (BMI) yang sihat mampu mengurangkan risiko kanser serviks.

Obesiti bukan sahaja dikaitkan dengan risiko beberapa jenis kanser lain, seperti kanser payudara dan usus, malah ia juga boleh melemahkan daya tahan tubuh terhadap jangkitan.

Wanita yang mengalami obesiti berisiko mengalami ketidakseimbangan hormon

yang boleh memberi kesan terhadap kesihatan rahim dan serviks.

Selain itu, aktiviti fizikal secara berkala merupakan komponen penting dalam gaya hidup sihat.

Wanita disarankan melakukan sekurang-kurangnya 150 minit aktiviti aerobik sederhana setiap minggu, seperti berjalan cepat, berbasikal, berenang atau bersenam ringan.

Senaman bukan sahaja membantu mengekalkan berat badan yang sihat, tetapi juga meningkatkan sistem imun dan mengurangkan tekanan, yang semuanya memberi kesan positif terhadap kesihatan tubuh secara keseluruhan.

Selain aspek fizikal, amalan pengurusan tekanan yang baik juga sangat penting.

Tekanan yang kronik boleh melemahkan sistem imun dan mengganggu fungsi hormon, yang seterusnya mempengaruhi kesihatan reproduktif.

Kaedah seperti meditasi, yoga, bernafas dalam-dalam, bersenam dan meluangkan masa berkualiti bersama keluarga boleh membantu menurunkan tahap tekanan dalam kehidupan seharian.

Daripada segi amalan seksual, wanita digalakkan mengamalkan hubungan seksual yang selamat termasuklah penggunaan kondom, mengelakkan hubungan seksual dengan ramai pasangan serta memahami dan mengurangkan pendedahan kepada risiko jangkitan kelamin.

Ramai tidak sedar seseorang boleh dijangkiti HPV walaupun hanya daripada satu pasangan seksual, terutamanya jika pasangan tersebut pernah mempunyai sejarah seksual yang meluas.

“Satu lagi langkah penting dalam penjagaan kesihatan wanita ialah dengan menghadiri pemeriksaan kesihatan secara berkala.

“Pemeriksaan seperti ujian pap smear dan ujian HPV DNA bukan sahaja dapat mengesan tanda awal kanser serviks, tetapi turut membantu mengenal pasti perubahan pada sel serviks sebelum ia menjadi kanser,” ujarnya.

Pemeriksaan ini tidak menyakitkan, cepat dan sangat berbaloi untuk kesihatan jangka panjang. Wanita yang telah memulakan hubungan seksual disarankan untuk melakukan Pap smear sekurang-kurangnya setiap tiga tahun atau mengikut saranan doktor.

Selain itu, dapatkan maklumat kesihatan daripada sumber yang sahih.

Dalam dunia hari ini yang penuh dengan maklumat, tidak semua informasi yang tersebar

di media sosial atau internet adalah tepat. Mendapatkan pendidikan kesihatan daripada doktor, jururawat atau organisasi kesihatan yang diiktiraf boleh membantu wanita membuat keputusan yang lebih baik mengenai kesihatan mereka.

Ibu bapa perlu mula mendidik anak-anak perempuan tentang pentingnya menjaga kesihatan reproduktif sejak awal.

Memberikan mereka vaksin HPV pada usia remaja, sebelum mereka memulakan sebarang aktiviti seksual merupakan langkah pencegahan yang sangat bijak dan proaktif.

Didikan tentang nilai menjaga kesihatan, memahami tubuh badan sendiri dan berani untuk menjalani pemeriksaan kesihatan boleh membentuk generasi wanita yang lebih sihat dan peka terhadap diri sendiri.

Peranan masyarakat juga tidak boleh diketepikan. Usaha meningkatkan kesedaran tentang kanser serviks memerlukan kerjasama pelbagai pihak termasuk institusi pendidikan, majikan, pihak berkuasa kesihatan dan media.

Kempen kesedaran secara berterusan perlu disebarkan bukan hanya kepada wanita, tetapi juga lelaki kerana kesedaran dan sokongan daripada pasangan, keluarga dan rakan terdekat sangat penting dalam perjalanan seorang wanita untuk menjaga kesihatannya.

Sebagai kesimpulan, mencegah kanser serviks bukanlah sesuatu yang mustahil. Dengan pengambilan vaksin HPV, amalan gaya hidup sihat, pemeriksaan berkala dan kesedaran yang tinggi, wanita boleh melindungi diri mereka daripada penyakit ini. Kanser serviks adalah antara jenis kanser yang paling boleh dicegah dan dirawat jika dikesan awal. Namun, ia memerlukan tindakan yang proaktif bukan hanya dari individu itu sendiri, tetapi juga daripada masyarakat sekeliling yang memberi sokongan.

Tiada satu tindakan tunggal yang boleh menjamin perlindungan mutlak daripada kanser serviks.

Namun, gabungan langkah-langkah kecil dalam kehidupan seharian, seperti pemakanan sihat, senaman, pengurusan stres, amalan seksual yang selamat dan pemeriksaan kesihatan berkala, boleh membawa perubahan besar dalam risiko dan hasil kesihatan jangka panjang wanita. Kesihatan adalah aset paling berharga yang dimiliki oleh seorang wanita, maka jagalah ia dengan penuh kesedaran, ilmu dan kasih sayang terhadap diri sendiri.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 34

RUANGAN : WANITA



PENCARI BUKTI TEGAR

Sebagai pakar forensik, Dr Nadiawati pikul amanah rungkai punca kematian individu membabitkan kejadian tertentu

FOKUS

Oleh Nor 'Asyikin Mat Hayin
asyikin.mat@hmetro.com.my

Figura ini antara watak penting merungkai punca dan cara kematian khususnya dalam kes mencurigakan, kemalangan atau tanpa saksi, menerusi bedah siasat yang dijalankan ke atas mayat.

Di samping menganalisis kecederaan pada mangsa hidup, mengenal pasti identiti individu yang terbabit dan memberi keterangan sebagai saksi pakar di mahkamah.

Namun, kisah dan kehebatannya jarang ditonjolkan di mana-mana media massa, apatah lagi tanggungjawab itu digalas wanita hebat.

Dr Nadiawati Abdul Razak dari Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) adalah antara pakar perubatan forensik di negara ini yang dianggap sebagai wirawati tidak didendangkan.

Beliau berkata, meskipun pada asalnya bidang itu didominasi lelaki, tetapi sejak kebelakangan ini, semakin ramai wanita menceburinya.

"Di Malaysia, ada peningkatan pembabitkan doktor wanita dalam forensik, mereka bukan sahaja berani dan berwibawa. Pada masa sama membawa pendekatan yang sangat empati dan profesional bagi menangani kes kematian."

"Menurut 'The Royal College of Pathologist United Kingdom' secara keseluruhan, pakar patologi wanita kini merangkumi antara satu pertiga hingga separuh daripada tenaga kerja dalam bidang patologi di seluruh dunia pada 2024."

"Di Malaysia pula,

menurut data dari 'National Specialist Register' hanya 31 pakar perubatan forensik wanita yang berdaftar sehingga kini. Mereka juga menyumbang secara signifikan dalam bidang penyelidikan dan akademik," katanya.

Katanya, minat terhadap bidang perubatan forensik mula berputik ketika menjalani latihan sangkutan klinikal sebagai pegawai perubatan siswazah di jabatan forensik hospital.

"Saya berpeluang melihat secara langsung bagaimana bedah siasat dijalankan ke atas kes kematian yang rumit. Setiap kecederaan atau tanda pada tubuh menceritakan sesuatu petunjuk, seolah-olah si mati sedang 'berbicara' melalui tubuhnya."

"Saya sangat tertarik dengan bagaimana seorang doktor boleh menjadi 'penyiasat saintifik', menggunakan ilmu anatomi, fisiologi dan patologi untuk membongkar punca kematian serta membantu pihak polis memahami apa sebenarnya yang berlaku."

"Lebih mengagumkan, doktor akan dipanggil ke mahkamah sebagai saksi pakar yang mana segala dapatan bedah siasat ini disampaikan di depan hakim mahkamah sebagai bukti menyumbang kepada proses keadilan," katanya.

Dr Nadiawati berkata, dari situ beliau menyedari bahawa bidang ini bukan sahaja menuntut kemahiran perubatan klinikal, malah juga ketelitian, objektiviti dan integriti yang tinggi.

"Saya nekad memilih untuk menyambung latihan kepakaran dalam bidang perubatan forensik patologi. Walaupun bidang ini mencabar daripada segi emosi, masa serta tanggungjawab."

"Bagaimanapun, saya dapati ia sangat bermakna kerana ia bukan sahaja membantu menyelesaikan kes kematian, tetapi juga memberi kelegaan kepada waris, menegakkan keadilan dan ada kalanya mencegah tragedi daripada berulang."

"Bagi saya, inilah antara cabang paling istimewa dalam perubatan kerana gabungan antara ilmu sains, tanggungjawab kemanusiaan dan peranan dalam sistem keadilan jenayah," katanya.

Beliau yang juga Pensyarah Perubatan

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 35
RUANGAN : WANITA



MENETUAI aktiviti literasi perubatan forensik kepada penuntut perubatan.



DR Nadiawati (dua dari kanan) membentangkan kajian kepada Raja Permaisuri Agong Raja Zarith Sofiah.



MENANG tempat pertama di Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Mental dan Pemerkasaan Wanita 2024.



BERSAMA rakan di United Kingdom.



BERSAMA penuntut perubatan memeriksa rangka manusia.

Kanan di UPNM itu berkata, setiap kes yang dikendalikan adalah unik dan menuntut pemikiran kritikal, ketelitian serta integriti tinggi.

Jelasnya, menariknya bidang ini menggabungkan sains dan undang-undang. Ia bukan sekadar 'kerja dengan mayat,' tetapi berperanan penting dalam mencari keadilan serta memberi suara kepada yang sudah tiada.

"Sepanjang 15 tahun dalam perubatan forensik, saya pernah terabit secara langsung dalam pengurusan jenazah pelbagai insiden bencana berskala nasional mahupun antarabangsa.

"Contohnya, Ops Maahad Tahfiz 2017 dalam pengendalian 23 mayat kebakaran di Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah, Kuala Lumpur, pandemik Covid-19, tanah runtuh di Ampang, Selangor dan kemalangan jalan raya yang meragut banyak nyawa.

"Selain itu, pengurusan jenazah di peringkat antarabangsa iaitu Ops Te Au Raki kerjasama Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan tentera New Zealand.

"Pengalaman ini bukan sahaja tertumpu kepada aspek forensik, tetapi juga merangkumi pengesanan mangsa bencana (DVI) dan pengurusan beretika terhadap jenazah mangsa bencana," katanya.

Menyentuh berkenaan cabaran utama dalam bidang berkenaan, Dr Nadiawati berkata, ia adalah beban emosi yang tinggi, terutamanya apabila

Bagi saya, inilah antara cabang paling istimewa dalam perubatan kerana gabungan antara ilmu sains, tanggungjawab kemanusiaan dan peranan dalam sistem keadilan jenayah

DR NADIAWATI

terabit dalam kes kematian tragik dan menyayat hati.

"Situasi ini lebih dirasai apabila mangsa membabitkan kanak-kanak, wanita hamil atau mangsa jenayah kejam seperti penderaan fizikal, pembunuhan atau keganasan seksual.

"Sebagai manusia biasa, saya juga terkesan secara emosi apabila melihat kesan penderitaan pada tubuh mangsa, lebih-lebih lagi apabila mengetahui latar belakang kisah hidup mereka yang menyedihkan.

"Beban emosi ini ada kalanya terbawa-bawa ke luar waktu kerja dan menuntut keseimbangan mental dan rohani serta sokongan keluarga bagi memastikan ketahanan diri sentiasa terpelihara," katanya.

Selain itu, beliau berkata, tekanan kerja dalam bidang ini juga sangat tinggi kerana perlu membuat keputusan saintifik yang tepat dan berasaskan bukti dalam tempoh terhad.

"Setiap kes menuntut perhatian kepada perincian kerana sebarang kesilapan dalam penilaian kecederaan atau penyataan laporan boleh memberi implikasi besar terhadap perjalanan sesuatu siasatan jenayah.

"Proses menulis laporan bedah siasat perlu dilakukan dengan teliti, menggunakan istilah yang sah di sisi undang-undang dan dalam masa sama boleh difahami pihak bukan perubatan seperti polis serta pendakwa raya," katanya.

Tambahan pula katanya, sebagai saksi pakar di mahkamah, beliau perlu memberi keterangan secara profesional, objektif

dan konsisten, walaupun berdepan dengan soalan mencabar daripada peguam bela.

"Ini memerlukan disiplin diri, kemahiran komunikasi dan latihan yang berterusan supaya setiap maklumat disampaikan adalah berdasarkan fakta serta bukti saintifik, bukan andaian.

"Cabaran ini menjadikan bidang perubatan forensik bukan sahaja memerlukan kepakaran teknikal, tetapi juga ketahanan mental, etika kerja yang tinggi dan dedikasi terhadap kebenaran dalam usaha menegakkan keadilan," katanya.

Berkongsi lanjut katanya, salah satu pengalaman yang paling menyentuh hati ialah apabila dapat membantu keluarga mengenal pasti mangsa dalam tragedi besar, seterusnya menyerahkan kepada waris untuk penghormatan terakhir.

"Saya juga berasa bangga apabila hasil siasatan forensik yang dijalankan berjaya menyokong pihak pendakwaan untuk menegakkan keadilan.

"Dalam dunia kami, walaupun tiada kata-kata terucap daripada si mati, namun setiap bukti membawa makna dan itulah kekuatan sebenar bidang ini.

"Saya amat berbesar hati kerana hasil kerja dalam bidang perubatan forensik mendapat pengiktirafan, bukan sahaja di peringkat tempatan, malah juga di peringkat antarabangsa," katanya.

Dr Nadiawati berkata, antara pencapaian yang membanggakan ialah kemenangan tempat pertama di Persidangan Antarabangsa Kesejahteraan Mental dan Pemerkasaan Wanita 2024, anjuran Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Di arena antarabangsa, saya berpeluang membentangkan hasil kajian di beberapa negara termasuk Arab Saudi, Amerika Syarikat dan Turkiye yang membuka ruang kerjasama serta jaringan ilmu rentas sempadan.

"Selain itu, buku bertemakan forensik yang saya hasilkan bersama rakan-rakan turut menerima Anugerah Penerbitan Buku Terbaik di peringkat universiti baru-baru ini.

"Saya juga amat bersyukur apabila bidang perubatan forensik semakin mendapat perhatian masyarakat umum," katanya.